



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PEMEROLEHAN DAN PENGUASAAN SINTAKSIS  
BAHASA MELAYU DI KALANGAN KANAK-KANAK  
PRASEKOLAH**

**ABDUL RASID BIN JAMIAN**

**FBMK 2002 18**

**PEMEROLEHAN DAN PENGUASAAN SINTAKSIS  
BAHASA MELAYU DI KALANGAN KANAK-KANAK  
PRASEKOLAH**

**ABDUL RASID BIN JAMIAN**

**DOKTOR FALSAFAH  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
2002**



**PEMEROLEHAN DAN PENGUASAAN SINTAKSIS  
BAHASA MELAYU DI KALANGAN KANAK-KANAK  
PRASEKOLAH**

**Oleh**

**ABDUL RASID BIN JAMIAN**

**Tesis Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti  
Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Doktor  
Falsafah**

**NOVEMBER 2002**



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**PEMEROLEHAN DAN PENGUASAAN SINTAKSIS BAHASA MELAYU  
DI KALANGAN KANAK-KANAK PRASEKOLAH**

Oleh

**ABDUL RASID BIN JAMIAN**  
**November 2002**

**Pengerusi : Profesor Madya Noor Aina bte Dani, PhD.**

**Fakulti : Bahasa Moden Dan Komunikasi**

Bahasa merupakan satu sistem yang unik dan melibatkan proses kognitif. Bahasa juga merupakan wadah untuk menyampaikan mesej kepada individu lain untuk difahami dan memberi makna. Kanak-kanak berumur antara 1 hingga 5 tahun merupakan tahap penguasaan bahasa yang paling kritikal. Sehubungan itu, kajian ini dapat memberikan maklumat sebenar tentang pemerolehan dan penguasaan sintaksis kanak-kanak khasnya di prasekolah. Persampelan kajian ini sebanyak 48 kanak-kanak, iaitu 25 kanak-kanak di dalam bandar dan 23 kanak-kanak luar bandar di daerah Ampang, Selangor dan jenis ayat yang dikaji ialah ayat penyata, ayat tanya, ayat seruan dan ayat perintah.

Tinjauan perbualan dan transkripsi digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan data bentuk ujaran ayat kanak-kanak prasekolah. Sehubungan itu, hasil kajian menunjukkan ayat penyata ialah jenis ayat yang paling kerap dihasilkan, iaitu 53.8%, diikuti oleh ayat tanya (25.7%), ayat seruan (11.8%), dan ayat perintah (8.7%). Berdasarkan Min Panjang Ujaran, ayat yang dihasilkan oleh kanak-kanak di dalam bandar ialah ayat penyata (4.85 perkataan), ayat tanya (4.41 perkataan), ayat seruan (4.18 perkataan) dan ayat perintah (4.19

perkataan). Manakala kanak-kanak di luar bandar pula ialah ayat penyata (4.40 perkataan), ayat tanya (4.19 perkataan), ayat seruan (4.72 perkataan), dan ayat perintah (4.29 perkataan). Penghasilan binaan ayat pula, dapatkan menunjukkan kebanyakan kanak-kanak dalam kajian ini, menghasilkan ayat yang berstruktur Frasa Nama + Frasa Kerja dan Frasa Nama + Frasa Adjektif. Selain itu, taraf sosioekonomi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dengan jenis ayat yang dihasilkan oleh kanak-kanak prasekolah. Dapatkan juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kanak-kanak di dalam bandar dengan luar bandar dalam menghasilkan ayat penyata ( $\chi^2 = 5.59$ ) dan ayat tanya ( $\chi^2 = 30.44$ ) tetapi tidak terdapat hubungan yang signifikan dalam ayat seruan dan ayat perintah.

Secara keseluruhan pemerolehan dan penguasaan sintaksis kanak-kanak prasekolah merangkumi pelbagai jenis ayat. Mereka berkebolehan menghasilkan jenis-jenis ayat bahasa Melayu terutamanya jenis ayat penyata, ayat tanya dan ayat seruan dengan mudah berbanding ayat perintah. Kesimpulannya, didapati lokasi tempat tinggal, kedudukan taraf sosioekonomi keluarga dan pendedahan serta rangsangan merupakan agen yang mempengaruhi pemerolehan dan penguasaan sintaksis kanak-kanak prasekolah.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in  
fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**THE ACQUISITION AND MASTERY OF MALAY LANGUAGE SYNTAX  
AMONG THE PRESCHOOL CHILDREN.**

By

**ABDUL RASID BIN JAMIAN**  
**November 2002**

**Chairman : Associate Professor Noor Aina bte Dani, PhD.**

**Faculty : Modern Language and Communication**

Language is a unique system that involves the cognitive process. Language is also a means to convey messages to other individuals so that they can comprehend and understand the meaning. Children at the ages of 1 to 5 years old are at the critical stage of language mastery. This research offers information on acquisition and mastery of syntax among the preschool children. It involved 48 children, 25 from the urban areas and 23 from the rural areas of Ampang District in Selangor. The types of sentences researched were statements, questions, exclamations and imperatives.

A conversation survey and transcriptions were used in this research for data collection of the preschool children's utterances. The outcome of the research showed that 53.8% of the sentences used consisted of statements, questions (25.7%), exclamations (11.8%), and imperatives (8.7%). According to the Mean Length of Utterance, sentences produced by the children from the urban areas were statements (4.85 words), questions (4.41 words), exclamations (4.18 words) and imperatives (4.19 words). On the other hand, for children from the rural areas the Mean Length of Utterance was statements (4.40 words),

questions (4.19 words), exclamations (4.72 words) and imperatives (4.29 words). It was also found that most of the children involved were able to construct sentences with Noun Phrase + Verb Phrase and Noun Phrase + Adjective Phrase structures. Besides that, socioeconomic status was significantly correlated with the types of sentences produced by the preschool children. The findings show that there was a significant correlation between children from the urban with the rural areas in the capability of constructing statements ( $\chi^2 = 5.59$ ) and questions ( $\chi^2 = 30.44$ ), but there was no significant correlation in the production of exclamations and imperatives.

On the whole, syntax acquisition and mastery among the preschool children involved various types of sentences. The preschool children were capable of producing the various types of Malay sentences especially the statements, questions and exclamations compared to imperatives. As a conclusion, the agents that influenced the acquisition and mastery of syntax of preschool children were their location of residence, the family socioeconomic status and factors involving exposure and stimulus.

## PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah membantu menyiapkan tesis ini, khususnya;

Ketua jawatankuasa penyeliaan, Prof. Madya Dr. Noor Aina bte Dani yang sentiasa meluangkan masa untuk membimbing dan berbincang berhubung dengan kajian dan penulisan tesis ini. Beliau telah memberi bimbingan, motivasi serta bantuan yang tidak ternilai kepada penulis sepanjang tempoh pengajian penulis di peringkat sarjana dan Doktor Falsafah.

Ahli jawatankuasa penyeliaan pertama, Dr. Arshad bin Abd. Samad yang sentiasa bersedia berkongsi kepakaran serta pengalamannya yang sangat berharga dalam bidang penulisan tesis ini.

Ahli jawatankuasa penyeliaan kedua, Dr. Petri Zabariah bte Megat Abd. Rahman yang telah banyak memberi bimbingan khususnya dalam bidang prasekolah.

Tidak lupa juga Prof. Madya Dr. Mohd. Majid bin Konting yang sudi menghulurkan banyak bantuan khususnya dalam aspek analisis statistik.

Rakan-rakan seperjuangan yang lain, iaitu Tuan Hj. Yahya Othman, Soaib Asimiran, Dr. Shaharuddin Abd. Aziz, Tuan Hj. Mokhtar Hj. Nawawi, Prof. Madya Dr. Turiman Suandi, Dr. Samsina Abd Rahman, Abdul Wahab Mat Ariff , Zamri Timin, Abd. Rashid Ismail dan Mohd. Rizal Hamzah yang banyak memberi perangsang dan galakan dalam menyiapkan tesis ini.

Ucapan terima kasih juga penulis ucapkan kepada Timbalan Dekan Pengajian Siswazah, Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi, Prof. Madya Dr. Md. Salleh Hj. Hassan yang banyak membantu penulis untuk lebih yakin dengan kewibawaan diri. Di samping itu juga diucapkan terima kasih kepada Dekan Fakulti Pengajian Pendidikan, Prof. Dr. Kamariah Hj. Abu Bakar yang banyak memberi dorongan kepada penulis untuk menyiapkan penulisan tesis ini.

Semua rakan pensyarah dan kakitangan di Fakulti Pengajian Pendidikan dan juga Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang telah membantu penulis sepanjang tempoh kajian ini.

Untuk insan yang teristimewa, isteri penulis, Rashidah Baharom, yang banyak memberi dorongan dan galakan yang tidak terhingga kepada penulis dalam usaha menyiapkan kajian ini serta anak-anak yang dikasih Syazwan, Syazmir dan Syahirah juga diucapkan terima kasih.

Semoga Allah membala jasa dan pengorbanan mereka dengan sebaik-baik balasan. Insyaallah.

Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi Abdul Rasid bin Jamian telah mengadakan pemeriksaan akhir pada 28hb. November 2002 untuk menilai tesis Doktor Falsafah beliau yang bertajuk "Pemerolehan dan Penggunaan Sintaksis Bahasa Melayu di Kalangan Kanak-Kanak Prasekolah" mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa memperakarkan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah yang tersebut. Anggota Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut

**Ramli @ Sahari bin Isin, Ph.D.**  
 Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,  
 Universiti Putra Malaysia  
 (Pengerusi)

**Noor Aina bte Dani, Ph.D.**  
 Profesor Madya,  
 Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,  
 Universiti Putra Malaysia  
 (Ahli)

**Arshad bin Abd. Samad, Ph.D.**  
 Fakulti Pengajian Pendidikan,  
 Universiti Putra Malaysia  
 (Ahli)

**Petri Zabariah bte Megat Abd. Rahman, Ph.D.**  
 Fakulti Pengajian Pendidikan,  
 Universiti Putra Malaysia  
 (Ahli)

**Abdul Hamid bin Mahmood, Ph.D.**  
 Profesor,  
 Pengarah Penerbit,  
 Bahagian Canselor,  
 Universiti Pendidikan Sultan Idris  
 (Pemeriksa Luar)




---

**SHAMSHER MOHAMAD RAMADILI , Ph.D.**  
 Profesor/Timbalan Dekan  
 Sekolah Pengajian Siswazah  
 Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 13 JAN 2003

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Anggota Jawatankuasa Penyelia adalah seperti berikut:

**Noor Aina bte Dani, Ph.D.**

Profesor Madya,  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Arshad bin Abd. Samad, Ph.D.**

Fakulti Pengajian Pendidikan,  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Petri Zabariah bte Megat Abd. Rahman, Ph.D.**

Fakulti Pengajian Pendidikan,  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)




**AINI IDERIS , Ph.D.**  
Profesor/ Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 13 FEB 2003

**PERAKUAN**

Saya akui tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberi penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau pun institusi pengajian yang lain.



ABDUL RASID BIN JAMIAN  
Tarikh: 9.1.2003

## DAFTAR KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vi
LEMBARAN PENGESAHAN	ix
PERAKUAN	xi
DAFTAR KANDUNGAN	xii
SENARAI JADUAL DAN RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvii

### BAB

1 PENDAHULUAN .....	1
1.1 Latar Belakang Kajian .....	1
1.1.1 Peringkat Umur Dan Pemerolehan Sintaksis .....	5
1.1.2 Pendidikan Prasekolah .....	12
1.2 Penyataan Masalah .....	32
1.3 Kepentingan Kajian .....	38
1.4 Objektif Kajian .....	42
1.5 Persoalan Kajian .....	43
1.6 Batasan Kajian .....	44
1.7 Definisi Konsep .....	46
1.7.1 Pemerolehan Sintaksis.....	46
1.7.2 Penggunaan Sintaksis .....	48
1.7.3 Jenis-Jenis Ayat .....	49
1.7.4 Kanak-Kanak Prasekolah .....	50
2 SOROTAN LITERATUR .....	52
2.1 Perbezaan Fungsi Dan Sistem Bahasa Kanak-Kanak Dengan Orang Dewasa (Sinclair, 1970) .....	53
2.2 Penggunaan Bahasa Di Kalangan Kanak-Kanak Yang Berumur 2 Tahun Ke Atas (Abdul Rashid Ali, 1992) .....	58
2.3 Kajian Tentang Pengetahuan Dan Penggunaan Imbuhan Kata Nama Dan Kata Kerja Di Kalangan Kanak-Kanak Prasekolah (Juriah Long, 1993) .....	64

2.4	Kajian Tentang Peringkat Pemerolehan Bahasa (Steinberg, 1995) .....	71
2.4.1	Vokalisasi (Bebelan) .....	72
2.4.2	Holofrasa (Pertuturan satu kata) .....	74
2.4.3	Pertuturan Dua Dan Tiga Kata (Telegrafik) .....	75
2.4.4	Perkembangan Ayat Kompleks .....	81
2.5	Kajian Tentang Pemerolehan Bahasa Di Kalangan Kanak-Kanak Melayu Di Peringkat Prasekolah (Vijayaletchumy, 2000) .....	85
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN .....</b>	<b>97</b>
3.1	Reka Bentuk Kajian .....	97
3.2	Kerangka Teori .....	103
3.2.1	Pemerolehan Bahasa Kanak-Kanak .....	105
3.2.2	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penguasaan Bahasa Kanak-Kanak .....	112
3.3	Kerangka Konsepsi .....	115
3.4	Tempat Kajian .....	116
3.5	Persampelan .....	118
3.6	Subjek Kajian .....	120
3.7	Kaedah Kajian .....	121
3.8	Pendekatan Kajian .....	125
3.9	Pembolehubah Kajian .....	125
3.9.1	Pembolehubah Bebas.....	125
3.9.2	Pembolehubah Bersandar .....	126
3.10	Alat Kajian .....	126
3.10.1	Soal Selidik Ibu Bapa/Penjaga .....	126
3.10.2	Borang Temu Bual Responden .....	127
3.10.3	Gambar Rangsangan .....	128
3.10.4	Borang Jadual Binaan Sintaksis .....	129
3.10.5	Rakaman dan Transkripsi .....	129
3.11	Tatacara Kajian .....	129
3.12	Kajian Rintis .....	131
3.13	Kajian Sebenar .....	133
3.14	Penganalisisan Data .....	133
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN .....</b>	<b>138</b>
4.1	Pengenalan .....	138
4.2	Dapatan Kajian.....	140
4.2.1	Latar Belakang Kanak-Kanak Prasekolah.....	140

		152
4.2.2	Pemerolehan Dan Penguasaan Sintaksis .....	152
4.2.3	Hubungan Faktor Lokasi Tempat Tinggal Dengan Pemerolehan Dan Penguasaan Sintaksis .....	165
4.2.4	Hubungan Faktor Taraf Sosioekonomi Keluarga Dengan Pemerolehan Dan Penguasaan Sintaksis .....	168
4.2.5	Hubungan Pendedahan Dan Rangsangan Dengan Pemerolehan Dan Penguasaan Sintaksis .....	172
4.3	Perbincangan .....	175
4.4	Implikasi Dapatan Dengan Teori Kajian .....	183
4.5	Implikasi Dapatan Kajian Yang Baru .....	188
 5	 <b>KESIMPULAN DAN CADANGAN .....</b>	 192
5.1	Pengenalan .....	192
5.2	Kesimpulan .....	192
5.3	Cadangan .....	202
5.3.1	Ibu Bapa/Penjaga .....	202
5.3.2	Guru Prasekolah .....	206
5.3.3	Pusat Perkembangan Kurikulum dan Penerbit ..	215
 BIBLIOGRAFI .....	 223	
 <b>LAMPIRAN</b>		
A	Soal Selidik Ibu Bapa/Penjaga .....	231
B	Borang Temu Bual Responden .....	237
C	Gambar Rangsangan .....	240
D	Dapatan Transkripsi Ayat-Ayat Yang Dihasilkan Oleh Kanak-Kanak Prasekolah Di Dalam Bandar .....	243
E	Dapatan Transkripsi Ayat-Ayat Yang Dihasilkan Oleh Kanak-Kanak Prasekolah Di Luar Bandar .....	262
F	Surat-Surat Permohonan Kebenaran .....	276
 BIODATA .....	 282	

## SENARAI JADUAL DAN RAJAH

Jadual		Halaman
1	Statistik Prasekolah Tahun 2000 .....	21
2	Perbandingan Antara Mod Analitik Dan Mod Gestalt Dalam Pemerolehan Dan Penggunaan Bahasa Menurut Pandangan Prizant (1983) .....	110
3	Lokasi Tempat Tinggal Kanak-Kanak Prasekolah .....	140
4	Taraf Sosioekonomi Kanak-Kanak Prasekolah .....	141
5	Hubungan Lokasi Tempat Tinggal Dengan Taraf Sosioekonomi Kanak-Kanak .....	142
6	Lokasi Tempat Tinggal Dengan Kelulusan Akademik ....	143
7	Taraf Sosioekonomi Dengan Kelulusan Akademik .....	144
8	Lokasi Tempat Tinggal Dengan Televisyen .....	146
9	Taraf Sosioekonomi Dengan Komputer .....	146
10	Taraf Sosioekonomi Dengan Kemudahan . .....	147
11	Lokasi Tempat Tinggal Dengan Membacakan Buku/Buku Cerita Kepada Kanak-Kanak .....	149
12	Lokasi Tempat Tinggal Dengan Ke Perpustakaan .....	149
13	Lokasi Tempat Tinggal Dengan Pergaulan Dengan Rakan Sebaya .....	150
14	Lokasi Tempat Tinggal Dengan Kebolehan Bercerita .....	151
15	Lokasi Tempat Tinggal Dengan Kebolehan Berkomunikasi.	151
16	Jenis Ayat Dengan Lokasi Tempat Tinggal Kanak-Kanak...	154

17	Min Panjang Ujaran Jenis-Jenis Ayat Kanak-Kanak Di Dalam Bandar .....	155
18	Min Panjang Ujaran Jenis-Jenis Ayat Kanak-Kanak Di Luar Bandar .....	156
19	Pola Ayat Dasar Bahasa Melayu .....	158
20	Ayat Dasar Dan Ayat Majmuk Dengan Kanak-Kanak Prasekolah Di Dalam Bandar Dan Di Luar Bandar .....	159
21	Jumlah Ayat Dengan Lokasi Tempat Tinggal .....	166
22	Hubungan Lokasi Tempat Tinggal Dengan Jenis Ayat .....	167
23	Jumlah Ayat Dengan Taraf Sosioekonomi .....	169
24	Jenis Ayat Dengan Taraf Sosioekonomi .....	170
25	Hubungan Taraf Sosioekonomi Dengan Jenis Ayat .....	171

## Rajah

1	Model Konseptual Kurikulum .....	27
2	Kerangka Konsepsi .....	115

## SENARAI SINGKATAN

FELDA	Perbadanan Kemajuan Tanah Persekutuan
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KEMAS	Bahagian Kemajuan Masyarakat
LAD	Language Acquisition Device
MPU	Min Panjang Ujaran
RISDA	Perbadanan Kemajuan Kecil Industri Getah
TADIKA	Taman Didikan Kanak-Kanak
TABIKA	Taman Bimbingan Kanak-Kanak
FN	Frasa Nama
FK	Frasa Kerja
F Adj	Frasa Adjektif
F Sn	Frasa Sendi Nama
KN	Kata Nama
KK	Kata Kerja
K Adj	Kata Adjektif
K Sn	Kata Sendi Nama
3M	Membaca, Mengira dan Menulis

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

Bahasa merupakan satu sistem yang unik dan melibatkan proses kognitif. Bahasa juga merupakan wadah untuk menyampaikan mesej kepada individu lain yang difahami dan mempunyai makna. Dalam usaha menguasai dan memperkasakan bahasa Melayu, kita harus melihatnya dari peringkat awal lagi, iaitu dari peringkat perkembangan dan pemerolehan bahasa itu sendiri. Pemerolehan ayat hanya bermula apabila kanak-kanak berupaya menggabungkan dua kata atau lebih. Dengan kata lain, peringkat satu kata atau yang sering disebut sebagai peringkat holofrasa tidak dianggap sebagai titik permulaan pemerolehan ayat (sintaksis). Ini jelas merujuk pendapat Awang Mohd Amin (1979), yang mengatakan bahawa umur kanak-kanak antara 1 hingga 5 tahun merupakan waktu penguasaan bahasa yang paling kritikal.

Dalam jangka masa kritikal ini, kanak-kanak sangat mudah menerima pengaruh bahasa pertama atau bahasa ibunda yang didedahkan kepadanya, iaitu bahasa yang diamalkan atau yang didedahkan kepada kanak-kanak sejak dia dilahirkan. Bahasa Melayu merupakan bahasa pertama kepada orang Melayu manakala bahasa Cina adalah bahasa pertama kepada orang

Cina dan sebagainya. Tegasnya, bahasa pertama ini akan dikuasai oleh individu secara semula jadi melalui proses pemerolehan bahasa. Dalam hal ini, ada ahli bahasa yang berpendapat bahawa proses pemerolehan bahasa tersebut berlaku sejak seseorang itu masih dalam kandungan ibunya. Hal ini bermakna bahasa pertama pada dasarnya dapat dikuasai oleh seseorang tanpa melalui proses pembelajaran secara formal.

Kanak-kanak akan terus belajar bahasa pertama walaupun berada di alam persekolahan di peringkat sekolah rendah atau menengah. Namun dari segi ketrampilan berbahasa, seseorang itu tidak mengalami banyak perubahan, umpamanya dalam kosa kata. Mereka belajar bahasa pertama terus menerus sepanjang hayat. Justeru itu, pemerolehan bahasa pertama dianggap bahasa yang paling mantap dari segi pengetahuan dan penggunaannya.

Menurut Atan Long (1978), kanak-kanak yang mempelajari bahasa pertama akan mengalami dua peringkat penguasaan bahasa seperti berikut;

- a. bahasa pertama pada masa kecil. Pada peringkat ini pertuturan kanak-kanak merupakan kegunaan yang dihalakan kepada diri sendiri dan bukannya untuk perhubungan masyarakat. Keadaan ini berterusan sehingga kanak-kanak itu berumur 4 tahun; dan
- b. bahasa pertama yang dipelajari setelah peningkatan usia dan dipraktikkan di sekolah. Ini membolehkan kanak-kanak bertutur

dengan ahli masyarakat dan juga ibu bapa dengan cara yang lebih baik dan berkesan.

Menurut Mangantar Simanjuntak (1987), bahasa sebagai satu sistem biologi yang wujud pada sistem kognitif manusia dan pemerolehan bahasa ialah proses-proses yang berlaku di dalam otak seseorang kanak-kanak sewaktu memperoleh bahasa ibundanya. Pemerolehan bahasa pertama ini terjadi apabila kanak-kanak yang belum pernah belajar bahasa apa pun mulai belajar bahasa untuk pertama kali. Proses-proses yang berlaku sewaktu kanak-kanak sedang memperoleh bahasa ibundanya terdiri daripada dua jenis, yang pertama ialah perlakuan (*performance*) yang terdiri daripada proses-proses pemahaman dan proses-proses pemerhatian dan yang kedua ialah kecekapan (*competence*).

Perlakuan merujuk kepada aktiviti-aktiviti seperti mengamati, memahami dan seterusnya menerbitkan ayat yang didedahkan kepada seseorang. Aktiviti-aktiviti ini akan membentuk kebolehan linguistik di kalangan kanak-kanak tersebut. Menurut Mangantar Simanjuntak (1987), kecekapan pula bermaksud pengetahuan tatabahasa yang dikuasai secara tidak sedar yang mungkin berlaku pada masa seseorang itu mengamati atau memahami bahasa yang didedahkan kepadanya. Hal ini bermakna pemerolehan bahasa adalah proses penemuan tatabahasa ibunda bagi seseorang kanak-kanak.

Dalam proses pemerolehan bahasa pertama, seseorang kanak-kanak itu akan belajar semua konsep yang diperlukan untuk berkomunikasi dengan ibu bapa, rakan-rakan dan ahli masyarakat sekelilingnya. Bahasa pertama menjadi salah satu alat untuk mengungkapkan perasaan, keinginan, pendirian dan sebagainya dalam bentuk-bentuk bahasa yang dianggap wajar. Kanak-kanak ini juga belajar bahawa ada bentuk-bentuk yang tidak dapat diterima oleh anggota masyarakatnya dan tidak selalu boleh mengungkapkan perasaan secara sewenang-wenangnya.

Juriah Long (1993), mengatakan bahawa keupayaan berbahasa merupakan salah satu aspek yang amat penting dalam perkembangan kanak-kanak. Melalui pertuturan, kanak-kanak boleh meluahkan perasaan dan pendapat mereka kepada orang lain tanpa batasan. Proses pendidikan secara tidak formal ini lebih berkesan terutamanya kepada kanak-kanak di peringkat prasekolah. Walaupun sebahagian besar masa digunakan untuk bermain namun pemilihan permainan mampu mendorong mereka untuk berinteraksi, berfikir, merangsang naluri ingin tahu, memupuk daya kreativiti, dan berdisiplin.

Masalah penguasaan sintaksis di kalangan kanak-kanak prasekolah dalam bahasa Melayu sememangnya mempunyai hubungan langsung dengan tahap pemerolehan bahasa kanak-kanak itu sendiri. Ada berbagai-bagi pendapat yang berkaitan dengan proses pemerolehan bahasa kanak-kanak. Sesetengah golongan cenderung mengatakan bahawa kanak-kanak

boleh berbahasa menerusi rangsangan dan gerak balas, manakala yang lain pula berpendapat pemerolehan bahasa kanak-kanak bersifat nurani atau semula jadi.

Berkaitan dengan pemerolehan bahasa atau perkembangan bahasa kanak-kanak, biasanya dikaji dari tiga sudut utama, iaitu pemerolehan fonologi, pemerolehan semantik dan pemerolehan sintaksis. Walaupun pemerolehan bahasa dibahagikan kepada tiga sudut utama, tetapi proses pemerolehan bahasa itu sebenarnya berlaku secara serentak, sedikit demi sedikit mengikut perkembangan otak kanak-kanak dan selaras pula dengan perkembangan fizikal kanak-kanak itu secara keseluruhan.

Berhubung dengan pemerolehan sintaksis pula, Jamali Ismail (1980), mengatakan bahawa kanak-kanak menguasai ujaran yang terdiri daripada satu perkataan (*one-word utterance*) ketika berumur 1 tahun dan maju kepada ujaran dua perkataan (*two-word utterance*) ketika menjangkau umur 2 tahun. Pada peringkat umur seterusnya, kanak-kanak telah dapat mencantumkan perkataan menjadi ujaran-ujaran yang pendek, iaitu tanpa artikel-artikel preposisi, infleksi atau apa sahaja bentuk yang digunakan oleh orang dewasa.

### **1.1.1 Peringkat Umur dan Pemerolehan Sintaksis**

Dalam mengkaji proses pemerolehan bahasa terdapat dua teori yang ditimbulkan oleh kedua-dua golongan ahli bahasa yang berpegang kepada

paradigma behaviouris dan mentalis. Kedua-dua golongan ahli bahasa ini menghuraikan fenomena-fenomena bahasa dengan cara yang seringkalinya bertentangan antara satu sama lain. Oleh yang demikian, wujud dua cara yang berlainan untuk menghuraikan pelbagai fenomena yang berkaitan dengan penguasaan sistem bahasa.

Bagi golongan behaviouris, penguasaan bahasa adalah hasil daripada proses rangsangan dan gerak balas. Golongan ini menganggap perkembangan penguasaan bahasa adalah hasil langsung daripada perkembangan sistem kognitif dan kemajuan interaksi psiko-sosio antara kanak-kanak dengan alam persekitaran mereka.

Golongan tersebut juga berpendapat pemerolehan sintaksis oleh kanak-kanak dikatakan berpunca daripada pengaruh persekitaran. Dengan kata lain, ia ditafsir sebagai terhasil daripada aktiviti pemerhatian dan peniruan yang dilakukan oleh kanak-kanak terhadap pertuturan para penjaga dan orang-orang dewasa lain yang mempunyai intensiti interaksi yang tinggi dengan mereka. Penyelidikan-penyelidikan oleh para penyelidik daripada golongan behaviouris cuba membuktikan bahawa apa yang dikuasai oleh kanak-kanak adalah hasil daripada aktiviti-aktiviti peniruan yang mereka lakukan. Orang-orang dewasa memberikan rangsangan-rangsangan bahasa yang secukupnya dalam bentuk yang mudah ditiru oleh kanak-kanak. Menurut Zulkifley Hamid (1994), pemerolehan sintaksis dipersepsikan